



## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN**

### **PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL 2021** ***PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (PRO-P) 2021***

MARA menawarkan pinjaman pelajaran ke peringkat Profesional/Pakar di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam dan luar negara kepada graduan cemerlang dalam bidang profesional yang memberi impak yang besar kepada keperluan guna tenaga negara.

<p><b>PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL</b> <b>(PRO-P)</b></p>
--



#### **1.0 BIDANG PENGAJIAN**

- 1.1 Dalam abad ke 21, inovasi sains dan teknologi telah menjadi keutamaan seiring dengan cabaran globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan bagi menangani cabaran masa hadapan yang kompetitif dan mencabar bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga serantau dan global.

PERINGKAT PENGAJIAN	KURSUS
Persediaan/Foundation	ACCA Foundation in Accountancy (AFIA)
Diploma Perakaunan/ACCA- CAT/Lulus Matrikulasi/STPM/SPM	Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
Profesional/Pakar	Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)/Certificate Professional Accounting (CPA CAANZ)/ Institute Of Chartered Accountant (ICAEW) dan Chartered Institute Of Management Accountants (CIMA)
	Anaesthesiology, Clinical Oncology, Emergency Medicine, Family Medicine, Forensic Medicine, General Surgery, Internal Medicine, Neuro Surgery, Nuclear Medicine, Obstetrics & Gynaecology, Ophthalmology, Orthopaedic Surgery, Otorhinolaryngology, Paediatric, Paediatric Surgery, Pathology, Plastic Surgery, Psychiatry, Public Health, Radiology, Rehabilitation Medicine
	Oral Surgery, Orthodontic, Periodontology, Paediatric Dentistry, Restorative Dentistry, Oral Pathology & Oral Medicine & Forensic Dentistry
	Lain-lain bidang profesional yang diiktiraf badan profesional dan diluluskan oleh MARA.

## 2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

### 2.1 Syarat Umum

2.1.1 Warganegara Malaysia.

2.1.2 Pemohon dan salah seorang ibu ATAU bapa adalah berstatus Bumiputera

2.1.3 Had umur pemohon pada **31 Disember 2021**:

#### **Peringkat Persediaan/Foundation/Diploma:**

<b>Tempat Pengajian</b>	<b>Had Umur</b>
Dalam Negara	Tidak Melebihi 35 tahun

#### **Peringkat Ijazah Sarjana Muda:**

<b>Tempat Pengajian</b>	<b>Had Umur</b>
Dalam Negara	Tidak Melebihi 40 tahun
Luar Negara	Tidak Melebihi 35 tahun

2.1.4 Pemohon wajib disahkan mempunyai kesihatan yang baik oleh seorang pengamal perubatan yang berdaftar serta bebas dari mengandung, penyakit mental, cacat fizikal, penyakit berjangkit (HIV-AIDS, Hepatitis B & C dan lain-lain), epilepsi, penyakit genetik dan penyalahgunaan dadah.

2.1.5 Pemohon/Ibu/Bapa/Penjaga tidak termasuk dalam Senarai Hitam atau dalam tindakan Undang-Undang MARA.

2.1.6 Tidak mendapat bantuan kewangan/tajaan daripada mana-mana agensi bagi pengajian di peringkat yang sama.

2.1.7 Mendapat pelepasan/penangguhan kontrak perkhidmatan atau bayaran balik pinjaman daripada badan penaja lain. Bagi calon yang sedang dalam perkhidmatan perlu mendapat kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau pengesahan bertulis mengenai perletakan jawatan daripada majikan.

## 2.2 Syarat Program

2.2.1 Pemohon yang sedang atau akan mengikuti pengajian **pada tahun 2021**.

2.2.2 Mendapat tawaran bersyarat ( *Conditional Offer Letter*) atau tanpa syarat ( *Unconditional Offer*) daripada Institut Pengajian dalam negara dan luar negara (**rujuk Lampiran A**) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Badan-Badan Profesional.

2.2.3 Pemohon yang pernah mendapat pinjaman MARA bagi peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah tidak layak memohon.

2.2.4 Permohonan terbuka untuk pengajian secara **SEPENUH MASA** sahaja.

## 2.3 Syarat Akademik

2.3.1 Syarat kelayakan akademik seperti berikut :

### **ACCA FOUNDATION IN ACCOUNTANCY (AFIA) - KUPTM, KL**

1. Lulus SPM atau setaraf dengan mendapat LIMA (5) Kepujian dalam mana-mana subjek termasuk Matematik

**DAN**

Lulus Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

## **ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA) - KUPTM,KL**

1. Lulus STPM atau setaraf dengan 2 prinsipal (Gred C, CGPA 2.00) dengan sekurang-kurangnya DUA (2) mata pelajaran.

### **DAN**

Lulus SPM atau setaraf dengan mendapat TIGA (3) kepujian (Gred C dan ke atas dalam mana-mana LIMA (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Inggeris dan Matematik

### **ATAU**

Lulus ACCA-CAT atau Lulus MATRIKULASI dengan CGPA 2.50 TERMASUK LULUS Matematik dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM

### **ATAU**

Lulus dalam Diploma Perakaunan atau DIPLOMA/IJAZAH yang berkaitan daripada mana-mana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

## **ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA)**

1. Memiliki Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf dengan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya.
2. Mendapat pengecualian dengan hanya 4 subjek (Ijazah Sarjana Muda) dan 10 subjek (Diploma) sahaja yang perlu diambil.
3. Mendapat tawaran pengajian daripada Institusi Pengajian Dalam dan Luar Negara yang bertaraf '*platinum*' ;
4. Calon yang mempunyai pengalaman 3 tahun bekerja diutamakan.

## **CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANT (CPA)**

1. Berumur 25 tahun ke bawah (\*Ditetapkan oleh badan profesional)
2. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh MICPA atau CAANZ dengan mendapat minimum CGPA seperti berikut :
  - a. CGPA 3.00 dari 4.00 atau;
  - b. CGPA 4.00 daripada 9.00 (New Zealand) atau;
  - c. CGPA 5.00 daripada 7.00 (Australia)

## **INSTITUTE OF CHARTERED ACCOUNTANTS (ICAEW)**

1. Berumur 25 tahun ke bawah (\*Ditetapkan oleh badan profesional)
2. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh badan profesional dengan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya.
3. Mendapat pengecualian 8 subjek dan hanya 7 subjek sahaja yang perlu diambil.

## **CHARTERED INSTITUTE OF MANAGEMENT ACCOUNTANTS (CIMA)**

1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan/ Perniagaan/Pentadbiran Kewangan daripada universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh badan profesional dengan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya.
2. Mendapat pengecualian 11 subjek sekiranya memiliki Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dan;
3. Perlu mengambil tiga (3) subjek sahaja.

## **PAKAR PERUBATAN**

1. Ijazah Sarjana Muda daripada universiti dalam atau luar negara & pendaftaran yang diiktiraf dengan Majlis Perubatan Malaysia
2. Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya dua (2) tahun selepas Ijazah Perubatan asas atau;
3. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya empat (4) tahun dalam bidang berkaitan.

## **PAKAR PERGIGIAN**

1. Mempunyai Ijazah Pergigian/ Ijazah Sarjana Sains daripada universiti dalam atau luar negara atau setaraf yang diperakui
2. Mempunyai Sijil Pendaftaran Pengamalan dari Majlis Pergigian Malaysia atau pengamalan yang diiktiraf
3. Telah menjadi pengamal pergigian sekurang-kurangnya 2 tahun selepas Ijazah Sarjana Muda atau;

4. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya empat (4) tahun dalam bidang berkaitan.

#### LAIN-LAIN SYARAT

Bagi pengajian ke luar negara perlu memperolehi markah 6.5 International English Language System (IELTS) atau yang setaraf dengannya.

### 3.0 PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan perlu dibuat secara atas talian (*online*) dengan melayari laman *web* rasmi MARA <http://www.mara.gov.my> mulai 16 April sehingga 03 Mei 2021.
- 3.2 Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

### 4.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila emelkan kepada [prop@mara.gov.my](mailto:prop@mara.gov.my).

## SENARAI INSTITUSI PENGAJIAN

## A) DALAM NEGARA

**AKAUNTAN PROFESIONAL**

Institusi Pendidikan MARA (IPMA)

Kolej Universiti Poly-Tech MARA, Kuala Lumpur SAHAJA

- i. AFIA (ACCA Foundation in Accountancy)
- ii. ACCA

**AKAUNTAN PROFESIONAL**

Institusi yang diiktiraf oleh badan profesional

ATAU

bertaraf '*Platinum*' bagi program ACCA.

**PERUBATAN**

- i. Universiti Malaya (UM)
- ii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- iii. Universiti Sains Malaysia (USM)
- iv. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- v. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- vi. Universiti Putra Malaysia (UPM)
- vii. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- viii. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

\* Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

**PERGIGIAN (UNIVERSITI AWAM)**

- i. Universiti Malaya (UM)
- ii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- iii. Universiti Sains Malaysia (USM)



- iv. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- v. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- vi. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

#### **PERGIGIAN (INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA)**

- i. AIMST University
- ii. Penang International Dental College (PIDC)
- iii. Universiti MAHSA
- iv. International Medical University (IMU)
- v. Melaka-Manipal Medical College (MMMC)
- vi. SEGI University
- vii. Lincoln University College

*Sumber: Malaysian Dental Council*

#### **B) LUAR NEGARA**

##### **i) KEDUDUKAN DI UNITED STATES & UNITED KINGDOM**

Kedudukan Universiti 20 Terbaik mengikut program

##### **ii) KEDUDUKAN DI NEGARA MEMBANGUN**

Kedudukan Universiti 10 Terbaik mengikut program

(Denmark, Sweden, Norway, Netherlands, Finland, New Zealand, Switzerland, Jerman, Kanada, Ireland, Singapura, Australia, Perancis, Jepun, Portugal, Republik Czech, Korea Selatan, Sepanyol, Itali)

##### **iii) KEDUDUKAN DI NEGARA SEDANG MEMBANGUN**

Kedudukan Universiti 5 Terbaik mengikut program

(China, Taiwan, India, Rusia)

Sumber: [www.topuniversities.com](http://www.topuniversities.com)

***Nota : Bagi bidang profesional lain perlu mendapat kelulusan MARA***